

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 10 OKTOBER 2021
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : AHAD



Iasnin | 11 Oktober 2021

>> EDISI > > Bayi kelahiran Kedah terima sumbangan RM100

Bayi kelahiran Kedah terima sumbangan RM100

NURUL HIDAYAH HAMID | 10 Oktober 2021



Muhammad Sanusi

LANGKAWI - Bayi kelahiran Kedah pada 2021 akan menerima sumbangan RM100 dalam bentuk Tabungan Simpan SSPN Prime melalui Program Anakku Sejahtera yang dilancarkan pada Ahad.

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, sebanyak RM1 juta diperuntukkan kepada rakyat Kedah berpendapatan rendah yang memiliki anak dilahirkan mulai 1 Januari sehingga 31 Disember 2021. Muhammad Sanusi menerangkan Program Anakku Sejahtera

merupakan inisiatif kerajaan negeri bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membantu golongan miskin di Kedah.

"Kerajaan Kedah sentiasa mengambil berat dan proaktif untuk membantu rakyat dalam usaha membasmi kemiskinan secara holistik dengan matlamat memastikan anak-anak tidak mewarisi kemiskinan ibu bapa atau mungkin datuk nenek mereka. "Dalam hal ini, penting bagi kerajaan untuk mendidik setiap keluarga merancang kewangan dan pendidikan yang berupaya untuk mengeluarkan mereka daripada putaran ganas kemiskinan yang berlarutan secara komprehensif," katanya. Muhammad Sanusi berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Anakku Sejahtera di Aloft Langkawi, Pulau Tengah, di sini, pada Ahad. Jelasnya, deposit RM100 akan dimasukkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime selepas permohonan diluluskan. Menurut beliau, beberapa syarat ditetapkan bagi memastikan memastikan bantuan ini sampai kepada golongan sasaran iaitu bayi mestilah warganegara dan dilahirkan di Kedah, ibu atau bapa lahir di Kedah atau bermastautin di negeri ini melebihi 10 tahun.

<https://www.sinarharian.com.my/article/166132/EDISI/Program-Anakku-Sejahtera-bantu-golongan-miskin-di-Kedah>